

29 AUG 1996

KERAJAAN BAIKI UNDANG-UNDANG UNTUK TINGKATKAN IOFC

LABUAN, 29 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan memperbaiki undang-undang yang sedia ada dan memperkenalkan beberapa undang-undang baru untuk mempertingkatkan kejayaan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antrabangsa (IOFC), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau menyatakan kerajaan telah meluluskan Akta Amanah Pesisir bulan lepas dan telah mengenal pasti Perkongsian Berhad Pesisir, Industri Sekuriti Pesisir dan Perkhidmatan Kewangan Islam Pesisir sebagai beberapa akta baru yang akan dilaksanakan.

Akta Syarikat Pesisir 1990 akan diperbaiki untuk membolehkan rakyat Malaysia memiliki syarikat pesisir dan melabur di Malaysia, kata beliau.

Bercakap semasa perasmian Ujana Kewangan dan melancarkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) di sini, beliau menyatakan beberapa perkara telah diberikan perhatian khusus.

Di antaranya termasuklah perniagaan amanah, perniagaan insurans dan memperdalam kegiatan perbankan terutamanya dalam pengurusan perbendaharaan dan operasi tukaran wang asing.

Sebagai tambahan, perkhidmatan kewangan secara Islam sedang dibangunkan sebagai sesuatu yang penting untuk Labuan, kata beliau.

Perkara itu, kata Dr Mahathir harus ditangani dengan bersungguh-sungguh di Labuan untuk mengambil kesempatan daripada keunggulan Malaysia dalam perbankan secara Islam supaya IOFC Labuan menjadi Pusat yang bermakna dalam memasarkan dan menerbitkan instrumen kewangan secara Islam, yang boleh diterima di dunia.

Masih terdapat banyak skop untuk pertumbuhan dan pembangunan IOFC Labuan, memandangkan kedudukannya yang baik, suasana politik yang stabil, sistem kewangan yang kukuh dan juga beberapa insentif untuk mempertingkatkan Labuan, kata beliau.

Dengan siapnya Ujana Kewangan yang bernilai RM360 juta, pembentukan LOFSA dan penempatan pejabat pengurusan, bank pesisir dan syarikat insurans ke Labuan sejak bulan April tahun ini, prospek pertumbuhan Labuan kian cerah berbanding dahulu, kata beliau.

Dr Mahathir berkata kemajuan yang baik telah dicapai untuk membangunkan Labuan menjadi IOFC yang berjaya.

Sekarang terdapat sekitar 800 syarikat pesisir yang beroperasi di pulau itu dan lebih daripada 50 adalah bank pesisir, termasuk beberapa nama besar dalam sektor itu, lapan syarikat insurans pesisir dan 16 syarikat amanah.

Memuji Bank Negara kerana telah menyiapkan Ujana Kewangan itu mengikut jadual, beliau menyatakan ia adalah usaha yang bersungguh-sungguh untuk memberikan prasarana asas untuk Labuan supaya boleh beroperasi sebagai IOFC.

Kompleks itu terletak di atas tapak seluas 4.6 hektar pada akhirnya akan mempunyai keluasan 198,000 meter persegi yang mana 35 peratus daripadanya adalah ruang pejabat, 14 peratus untuk kegunaan komersil dan 17 peratus untuk kondominium.

Dr Mahathir menekankan walaupun Labuan dipromosikan sebagai IOFC yang berjaya, adalah penting untuk memahami bahawa Labuan tidak menjadi pesaing kepada Kuala Lumpur.

Sebaliknya, kata beliau kedua-duanya harus melengkapinya di antara satu sama lain dan terdapat "jambatan" menghubungkan peniaga Labuan dengan peniaga, produk dan prasarana di Kuala Lumpur.

Kerajaan telah komited untuk membangunkan pasaran kewangan dan modal Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih penting di rantau ini, kata beliau.

Beliau menyatakan salah satu daripada "jambatan" itu yang dikaji sekarang adalah untuk menubuhkan bursa saham antarabangsa di Labuan bagi penyenaiaan syarikat pesisir, dana yang ditubuhkan di Labuan dan syarikat antarabangsa.

"Bagaimanapun, penyenaiaan itu sebenarnya boleh dilakukan sama ada di Kuala Lumpur atau Labuan," kata beliau.

Beliau menjelaskan bahawa Malaysia berhasrat untuk menawarkan keanjalan dari segi prasarana, kepakaran dan insentif yang terdapat di Kuala Lumpur dan Labuan. Oleh yang demikian peniaga boleh mengambil kesempatan daripadanya dengan bantuan kemudahan telekomunikasi dan elektronik.

Pembangunan Labuan seterusnya sebagai IOFC bergantung kepada terdapatnya tenaga kerja dengan kemahiran yang diperlukan, kata beliau.

Mereka yang terlibat di Labuan harus melatih kakitangan mereka di semua peringkat untuk membolehkan mereka memahami mekanik perniagaan dan perubahan dinamik pasaran.

Berkaitan dengan profesional asing, beliau menyatakan kerajaan telah mengambil sikap liberal dan membenarkan mereka bekerja di Labuan, termasuk memberikan insentif cukai. -- BERNAMA

SHY RIF/sia